

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)100.2/6 Jld 2

Tarikh : 14 September 2020

Rosidah Trading & Enterprise Sdn Bhd
No 13, Tingkat 1, Persiaran Seksyen 4/3,
Bandar Putera Bertam,
13200 Kepala Batas,
Seberang Perai Utara,
Pulau Pinang.
(U.P : En. Azhar Bin Hasan)

Tel : 04 – 5766 563

**SEBUTHARGA UNTUK: PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN
KAWASAN LUAR PEJABAT (LANSKAP) DI KOMPLEKS PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH UTARA, KEPALA BATAS,
PULAU PINANG**

NO. SEBUTHARGA: MPC NRO 3/2020

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Satu Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu Tujuh Ratus Enam Puluh sahaja (RM173,760.00) (tiada SST)** dengan bayaran sebanyak RM7,240.00 sebulan.

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan **harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebutharga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan.**

3. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak tuan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan **adalah selama 24 bulan bermula pada 1 Oktober 2020 sehingga 30 September 2022.**

4. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan 3 dalam tempoh 120 hari (4 bulan) dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan pihak MPC tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

6. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 5 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;

- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

8. Sekiranya pihak tuan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak tuan.

9. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak puan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak puan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)


**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG
BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.



(tandatangan syarikat)

Nama Penuh : AZHAR BIN HASAN
No. Kad Pengenalan : 650511-07-5499
Alamat : NO.13 TINGKAT 1, PERSIARAN SEKSYEN 4/3
BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA.
Tarikh : 22/09/2020



(Tandatangan wakil syarikat)

Nama Penuh : ROSIDAH BINTI HAROON
No. Kad Pengenalan : 680605-07-5032
Alamat : NO.13, TINGKAT 1, PERSIARAN SEKSYEN 4/3
BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA.
Tarikh : 22/09/2020

Diberikan dengan sempurna untuk
menandatangani untuk dan bagi pihak :

ROSIDAH TRADING & ENT. SDN BHD

NO.13, TINGKAT 1, PERSIARAN SEKSYEN 4/3,
BANDAR PUTRA BERTAM
13200 KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA

Meterai atau Cop Syarikat
Tarikh :

EMAIL : rosidahtradingtdn@gmail.com

22 SEP 2020

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran : 581976-U (357-00044289).....
 1.2 Tempoh Sah Laku : 09/09/2020 -08/09/2023.....

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : 357-00044289.....
 2.2 Tempoh Sah Laku : 09/09/2020 -08/09/2023.....
 2.3 Kod Bidang : 221002.....
 2.4 Taraf Syarikat : BUMIPUTRA.....
 2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 09/09/2020 -08/09/2023.....

3. Harga dan Tempoh Kontrak

3.1 Harga Sebut Harga seperti di **Lampiran A1**

RM 173,760.00

*Lampiran A1 (Lampiran Q dalam dokumen Sebutharga) adalah merupakan borang dengan harga yang ditandatangani oleh syarikat - untuk tindakan MPC

3.2 Harga Kontrak : RM 173,760.00
 3.4 Tempoh Kontrak : 24 bulan
 3.5 Tarikh Mula Kontrak : 1 Oktober 2020
 3.6 Tarikh Tamat Kontrak : 30 September 2022

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

4. Bon Pelaksanaan
 (*dijisi oleh pihak MPC)

4.1 Kadar Bon Pelaksanaan : tidak berkaitan
 4.2 Formula Bon Pelaksanaan : tidak berkaitan
 4.3 Nilai Bon Pelaksanaan : tidak berkaitan

- 4.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful**
- 4.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian**

7/9

Lampiran Q

	SEBUT HARGA MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN	
	SEBUT HARGA	NO: MPC NRO 3/2020
	Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh: PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC), WILAYAH UTARA.	
	Tarikh: 25 Jun 2020	
Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksiran sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga		

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
- 1.1. Syarat-syarat Penyerahan/Penyempumaan: Seperti di jelaskan dalam dokumen sebut harga.
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempumaan dikehendaki: 25 Jun 2020
 - 1.3. Arahan pengiriman: Pejabat MPC Wilayah Utara.
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertakri dan bertanda nombor sebut harga **No.MPC NRO 3/2020**.
 - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada .
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tandatangan : 

Nama Pegawai : Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah

Jawatan : Pengarah Wilayah


Tarikh: 25 Jun 2020

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan syarat/syarat khas	Unit Ukuran	Tempoh	Kadar Sebulan (RM)	Harga (RM)
1.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Luar Pejabat (Lanskap) di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Kepala Betas, Pulau Pinang.		24 bulan	7,140.00	173,760.00
6% SST					
JUMLAH					173,760.00

1.7. Harga yang ditawarkan adalah bersih termasuk 6% SST; dan

1.8. Tarikh penyerahan/penyempumaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan : 
 Penyebut Harga : **MUSTAHAK L. HASAN**
 Nama dan No.K/P : **652511075499**
 Alamat Syarikat : **ROD BAH TRADING & CO S/B**

Tarikh : **03 JULAI 2020**

NO.13 TING 591, PERKAMPARAN KEMAS
RANDAR PUTRA BERTAM KEMAS

MUSTAHAK LIAT SYARAT-SYARAT AM DI BELAKANG



SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**MPC NRO 3/2020 : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KAWASAN LUAR
PEJABAT (LANSKAP) DI KOMPLEKS PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MPC) WILAYAH UTARA, KEPALA BATAS, PULAU PINANG**

Saya..AZHAR..BIN..HASAN..... nombor K.P...650511-07-5499...yang
mewakili....ROSIDAH TRADING & ENT.nombor pendaftaran 357-00044289.....
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai
ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan
Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan
mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran
mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



Nama: AZHAR BIN HASAN

No. K.P.: 650511-07-5499

Cop Syarikat :

ROSIDAH TRADING & ENT. SDN BHD
NO.13, TINGKAT 1, PERSIARAN SEKSYEN 4/3,
BANDAR PUTRA BERTAM
13200 KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA
TEL : 04-5766563 FAX : 04-5791493
EMAIL : rosidahtradingsdn@gmail.com